

Blog Perpustakaan



UniMAP Library

Laman Blog Perpustakaan UniMAP

Perpustakaan UniMAP telah membina laman blognya yang tersendiri sejak November 2008. Sejajar dengan perkembangan dunia siber dan teknologi maklumat pada masa kini, blog ini dibina untuk menyampaikan maklumat dan perkhidmatan Perpustakaan kepada semua pengguna khususnya komuniti UniMAP. Blog ini memberikan anda ruang untuk bersuara, memberi pendapat, pandangan, kritikan dan sebagainya. Ia merupakan tempat mengumpul dan berkongsi perkara yang anda rasa menarik sama ada ia ulasan berkaitan Perpustakaan, buku, pendidikan, perkhidmatan yang ditawarkan atau pautan dalam dunia kepustakawan sendiri.

Dengan *Blogger*, segala penyampaian maklumat dan perkhidmatan boleh dilakukan dengan mudah. Ulasan *Blogger* Perpustakaan membolehkan sesiapa saja, di mana jua, memberi maklum balas pada maklumat, perkhidmatan atau cadangan yang positif dengan cepat dan pantas. Justeru, terbinanya *Blogger UniMAP Library* ini memberikan anda cara yang mudah untuk berkongsi pendapat anda — mengenai peristiwa semasa, perkhidmatan Perpustakaan, maklumat atau apa-apa yang anda ingin dikongsi — dengan dunia khususnya dunia kepustakawan dan pendidikan. Perpustakaan telah membangunkan begitu banyak cara dalam penyampaian maklumat untuk menjadikan akses kepada maklumat semudah di hujung jari anda. Blog UniMAP Library boleh diakses melalui URL, <http://thelibraryunimap.blogspot.com/>.

Program Jom Study – Usaha sama Pertama Perpustakaan UniMAP dan MPP



Perpustakaan UniMAP dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP telah menganjurkan Majlis Pelancaran Kempen Jom Study di Ruang Santai Perpustakaan pada 09 April 2009, jam 8.30 malam. Ini merupakan projek kolaboratif sulung antara Perpustakaan dan MPP untuk meningkatkan kecemerlangan pelajar UniMAP. Pihak MPP telah mengedarkan pek promosi meliputi pen dan poster untuk menggalakkan para pelajar menelaah serta menggunakan koleksi, kemudahan dan perkhidmatan Perpustakaan secara optima. Majlis diserikan dengan ucapan perasmian oleh Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin, Ketua Pustakawan UniMAP. Beliau mengenangkan isu dan cabaran mengenai amalan membaca di kalangan para mahasiswa dan mahasiswi Universiti. Beliau juga menyarankan agar para pelajar sentiasa meningkatkan capaian kepada maklumat memandangkan Perpustakaan mempunyai pelbagai format sumber maklumat untuk dimanfaatkan. Yang Di Pertua MPP, Saudara Abdul Malek Abdullah juga menyerikan majlis dengan ucapan aluan di hadapan hampir 100 orang pelajar dan staf. Beliau merakamkan penghargaan di atas penglibatan aktif MPP dan warga Perpustakaan bagi menjayakan kempen berkenaan.

UniMAP Terima Kunjungan Pustakawan USM

- Lawatan Ilmiah Perpustakaan Hamdan Tahir, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Kelantan**

Pada 30 Mac 2009, Perpustakaan UniMAP telah menerima kunjungan hormat dari delegasi Perpustakaan Hamdan Tahir, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM). Ketibaan delegasi seramai 33 orang staf yang di ketuai oleh Pustakawan Kanan, Puan Rugayah Ali telah disambut oleh Pustakawan dan staf Perpustakaan UniMAP di ruang legar Bangunan KWSP, Kangar. Delegasi seterusnya dibawa ke Dewan Keikhlasan untuk sesi taklimat ringkas berkaitan pembangunan sumber, perkhidmatan, kemudahan serta perkembangan sistem & teknologi Perpustakaan UniMAP. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pustakawan Kanan UniMAP, Puan Mazmin Mat Akhir, Encik Md. Nizam Azid dan Encik Mohd Shahruh Annuar Alawi. Selepas itu, delegasi dibawa melawat sekitar Perpustakaan UniMAP. Semasa lawatan terpanu ini penerangan terperinci mengenai fungsi, perkhidmatan dan kemudahan setiap unit disampaikan. Mengakhiri lawatan ilmiah tersebut, delegasi telah diraikan dalam majlis minum petang sambil menikmati pemandangan indah sekitar Negeri Perlis di Dataran Canselori UniMAP, diikuti dengan sesi bergambar sebagai tanda kenang-kenangan.

ii. Lawatan Kerja Dari Delegasi Perpustakaan Kampus Kejuruteraan, USM Transkrian.

Tanggal 2 Feb 2009 Perpustakaan UniMAP telah menerima kunjungan balas delegasi dari Perpustakaan Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia (USM) Transkrian yang merangkumi 11 orang Pustakawan dan staf pentadbiran. Delegasi ini di ketuai oleh Ketua Perpustakaan, Encik Haji Ali Bin Abd Rahim. Ketibaan delegasi ini disambut mesra oleh Ketua Pustakawan, Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin dan disertai oleh para Pustakawan Perpustakaan UniMAP. Delegasi ini diberikan taklimat terkini berkaitan perkembangan Perpustakaan oleh Ketua Pustakawan, Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin dan

Allegan UniMAP

taklimat ringkas berkenaan Repositori Digital Perpustakaan UniMAP yang telah disampaikan oleh Pustakawan, Unit Repositori Digital & Media iaitu Encik Mohd Shahrul Annuar Alawi. Manakala Encik Md Nizam Azid, Pustakawan Unit Runding Maklumat, menyampaikan taklimat ringkas berkenaan Bengkel *EndNote* dan Bengkel Kaedah Penyelidikan. Taklimat ringkas ini nyata memberi banyak manfaat dan maklumat terkini berkaitan koleksi, kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan UniMAP. Di samping itu, sesi ini juga menjadi platform kepada Pustakawan dari kedua-kedua Perpustakaan berkongsi maklumat dan pengalaman dalam membangunkan perpustakaan. Delegasi kemudiannya di bawa melawat sekitar Perpustakaan UniMAP. Majlis diakhiri dengan jamuan makan tengahari dan sesi bergambar sebagai kenang-kenangan.

Bengkel Perancangan Strategi

Bengkel Perancangan Strategi yang disertai oleh semua Pustakawan UniMAP telah diadakan pada 16 Februari 2009. Bengkel ini bertujuan untuk mengkaji semula perancangan strategi Perpustakaan bagi tempoh 2007-2010. Ini untuk memastikan perancangan dan hala tuju Perpustakaan selari dengan Perancangan Strategi Universiti, Pelan Perancangan Strategi PERPUN dan Pelan Perancangan Strategi Pengajian Tinggi Negara.

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur

Pembangunan koleksi merupakan peranan penting perpustakaan dalam memenuhi keperluan maklumat dalam aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan



perundingan di UniMAP.

Salah satu kaedah untuk meningkatkan perolehan koleksi adalah dengan menyertai pemilihan buku di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009 ini telah diadakan pada 17 hingga 26 April 2009 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.



Pemilihan buku di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009 merupakan agenda tahunan yang dijalankan oleh Perpustakaan. Seramai 15 orang kakitangan akademik yang terdiri daripada 9 Pusat Pengajian dan 1 unit serta 2 orang wakil daripada Jabatan Perpustakaan telah menyertai sesi pemilihan buku kali ini.



Kebaikan yang diperoleh daripada sesi pemilihan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009 adalah kakitangan akademik dapat melihat dan menyemak sendiri kandungan buku sama ada ia sesuai dijadikan bahan bacaan dan rujukan pelajar. Selain itu, kakitangan akademik dapat memilih buku daripada pelbagai penerbit sama ada dari dalam negeri maupun dari luar negara serta daripada pertubuhan profesional.

Demo Pangkalan Data

1. Demo Turn It In telah diadakan pada 18 September 2008.
2. Demo Ebrary Academic Complete, McGrawHill Access Engineering dan McGrawHill's Access Science telah diadakan pada 17 November 2008.
3. Demo OCLC telah diadakan pada 19 Januari 2009.

4. Demo Bernama Library & Infolink Service telah diadakan pada 24 Februari 2009.
5. Demo Ebrary Academic Complete dan CAB Ebook & Ejurnal telah diadakan pada 3 Mac 2009.
6. Demo Emerald Managemat Xtra telah diadakan pada 10 Mac 2009

Perkhidmatan Fotokopi

Perpustakaan UniMAP kini menyediakan kemudahan terkini iaitu mesin fotokopi berkonsepkan layan diri. Pengguna perlu menggunakan kad magnetik berbayar yang boleh dibeli di Kaunter Perkhidmatan Akses dengan harga RM 5.00 dan RM 10.00 sahaja. Perkhidmatan fotokopi ini menyediakan dua jenis cetakan iaitu cetakan hitam putih dan cetakan berwarna untuk kertas cetakan bersaiz A4 dan A3. Panduan tentang cara menggunakan mesin fotokopi ini juga telah disediakan untuk memudahkan para pengguna memanfaatkan kemudahan berkenaan di Perpustakaan. Berikut disenaraikan harga bagi perkhidmatan fotokopi yang disediakan:

Jenis	Harga (RM)
Hitam Putih (A4)	RM 0.10 / Sehelai
Hitam Putih (A3)	RM 0.30 / Sehelai
Warna (A4)	RM 1.00 / Sehelai
Warna (A3)	RM 2.30 / Sehelai

Lawatan Dari Universiti / Sekolah / Korporat

Januari – September 2008
Perpustakaan UniMAP telah menerima kunjungan dari pelbagai institusi meliputi universiti, sekolah dan pihak korporat sepanjang tempoh tersebut. Antara institusi yang telah



Sekitar Perpus


mengunjungi perpustakaan sepanjang tempoh tersebut ialah:

- Majlis Guru Cemerlang Perlis
- Sek. Kebg. Paya, Kangar, Perlis
- Sek. Men. Sains Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis
- Krew "Malaysia's Top Campus" @NTV 7
- Chinese International Students
- SMK Padang Siding, Perlis
- SMK Tengku Suleiman, Beseri, Perlis.
- SMK Padang Besar Utara, Perlis
- Universitas Jenderal Soedirman, Purwakerto Banyumas Java Tengah.
- Perpustakaan Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang
- Badan Cemerlang Sdn. Bhd.
- SMK Paya Besar, Kuantan, Pahang
- Dr Helmut Hutton, Institute of Biomedical Engineering, University of Technology, Graz, Austria
- Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) Jeli, Kelantan
- Perpustakaan Hamdan Tahir, Universiti Sains Malaysia (USM), Kelantan.
- Board of Engineers Malaysia (BEM).
- Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC).

Lawatan Dari Board of Engineers Malaysia

6 April 2009 Perpustakaan menerima lawatan daripada wakil panel Board of Engineers Malaysia (BEM) atau dikenali sebagai Lembaga Jurutera Malaysia iaitu Prof. Madya Ir. Zulkefli Yaacob dan Ir. Encik Mohd Hazli Hashim. Lawatan ini telah disambut sendiri oleh Pn. Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin (Ketua Pustakawan), Pn. Mazmin Mat Akhir (Pustakawan Kanan) dan juga pustakawan yang bertugas. Lembaga Jurutera Malaysia adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kerja Raya Malaysia yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Pendaftaran Jurutera 1967. Sepanjang lawatan, panel diberi pendedahan mengenai koleksi, kemudahan dan

perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan.



Pertemuan Dengan MPP

Satu lagi jaringan kerjasama di antara Perpustakaan dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah diadakan melalui pertemuan pada 1 Januari 2009. Pertemuan ini merupakan satu daripada pelbagai inisiatif untuk mempromosi perkhidmatan, kemudahan dan koleksi Perpustakaan terutama di kalangan para pelajar UniMAP. Selain itu, perbincangan mengenai projek kerjasama antara Perpustakaan dan MPP turut dibincangkan. Antara projek yang dicadangkan ialah Penubuhan Rakan Perpustakaan, program jelajah MPP, Bengkel penggunaan pangkalan data dan banyak lagi.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Majlis Anugerah Seri Gemilang UniMAP 2008 berlangsung dengan penuh gilang-gemilang pada 07 Mac 2009 yang lalu bertempat di Dewan 2020, Kangar, Perlis. Majlis ini diadakan khusus untuk menghargai dan meraikan warga UniMAP yang memperkenalkan prestasi yang cemerlang dalam perkhidmatan. Majlis ini telah diserikan dengan keberangkatan DYTM Canselor UniMAP dan DYTMM Raja Puan Muda Perlis selaku tetamu kehormat serta YAB Menteri Besar Perlis dan isteri serta beberapa Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri. Sekalung tahniah diucapkan kepada saudara Azhar Ahmad, Pembantu Perpustakaan Unit Perkhidmatan Akses dan

saudara Mohd Shahrul Annur Alawi, Pustakawan Unit Repozitori Digital & Media serta saudari Shahirah Shafie dari Bahagian Perkhidmatan Maklumat Perpustakaan.

Program Retreat Perpustakaan

Perpustakaan UniMAP menganjurkan program Retreat 2008 khusus untuk menyediakan platform percambahan fikiran, idea dan cadangan penambahbaikan bagi memantapkan perkhidmatan Perpustakaan. Ia berdasarkan hasrat untuk mengkaji semula pencapaian 2008 dan mengenal pasti cabaran serta kekangan yang dihadapi sepanjang tempoh berkenaan. Semua staf unit dan bahagian diminta memantapkan strategi untuk tahun 2009 dan mengenal pasti kaedah pelaksanaan secara efektif.



Secara asasnya, program retreat diharapkan berupaya mempersiap dan memperkemas sumber insan Perpustakaan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan. Antara objektif program ini adalah untuk mengkaji semula strategi dan pencapaian 2008, Menggalakkan percambahan fikiran dan penghasilan idea inovatif dan kreatif serta meningkatkan persiapan staf dalam menghadapi cabaran perkhidmatan untuk tahun 2009.





Ruang Tambahan Perpustakaan

MAC 2009 - Bagi menampung bilangan pengguna perpustakaan UniMAP yang semakin meningkat, pihak pengurusan perpustakaan telah menyewa ruangan di tingkat 1 bangunan KWSP sebagai ruang tambahan perpustakaan yang lebih selesa untuk kegunaan pengguna perpustakaan UniMAP. Ruang tambahan ini akan menempatkan koleksi bahan bersiri, ruang santai, ruang bacaan, kemudahan karel yang dilengkapi dengan kemudahan pengaksesan Internet, makmal komputer yang lebih selesa, bilik mesyuarat dan pejabat pengurusan perpustakaan. Sebanyak 34 buah komputer akan ditempatkan di makmal komputer untuk kegunaan pengguna perpustakaan UniMAP. Kaunter "Ask It" juga akan ditempatkan di ruang tambahan ini bagi menjawab pertanyaan pengguna perpustakaan berkenaan teknologi maklumat. Ruang tambahan ini dijangka siap pada bulan Jun 2009.



Kindle / Reading Device

Alat pembaca buku elektronik telah dicipta selari dengan perkembangan teknologi e-buku. Salah satu platform terkenal yang dibangunkan oleh Amazon bagi tujuan berkenaan dikenali sebagai Kindle. Alat ini pertama kali dihasilkan oleh Amerika Syarikat pada tahun 2007 dan kini dijual pada harga USD 489 seunit. Model terkini Kindle DX telah dikeluarkan dan diedarkan kepada pengguna pada Jun 2009. Selaras dengan kecanggihan teknologi, Kindle mempunyai ciri teknikal yang menarik meliputi ketebalan 0.36 inci dengan berat Cuma 0.3 kilogram sahaja. Ia dilengkapi dengan kemudahan 3G yang membolehkan pengguna memuat turun teks penuh buku tanpa batasan masa dan lokasi. Kindle boleh memuatkan hampir 3,500 buku teks penuh yang boleh dipilih daripada 285,000 judul.

Penerbit UniMAP serta Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009

PBAKL 2009 telah mula dibuka untuk kunjungan orang ramai bermula 17 hingga 26 April 2009. Seperti tahun-tahun sebelumnya, PBAKL 2009 dianjurkan oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan Majlis Industri Buku Malaysia dengan kerjasama Persatuan Pengekspor dan Pengimport Buku Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia, Persatuan Kontraktor Buku Malaysia, Persatuan Penerbit Buku Malaysia dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). Pada tahun 2008 sahaja, PBAKL telah dikunjungi seramai 2.2 juta orang peminat buku dan pada tahun ini, pihak penganjur mensasarkan jumlah pengunjung seramai 2.5 juta orang.

Tahun ini merupakan kali keempat Penerbit Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menyertai PBAKL di bawah naungan MAPIM. Pada tahun ini, gerai MAPIM berwajah baru dengan suasana yang lebih santai, teratur dan kemas. Buat pertama kalinya

jugah ahli-ahli MAPIM mempraktikkan sistem pembayaran berpusat yang dikendalikan sepenuhnya oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM). Melalui sistem ini semua proses pembayaran dijalankan di satu kaunter sahaja, tidak seperti sebelum ini iaitu dibayar pada setiap penerbit masing-masing.

Walaupun dengan kemelesetan ekonomi, ia tidak menjadi penghalang kepada peminat buku untuk turun beramai-ramai dan berkunjung ke PBAKL 2009 ini.

